

03/11/2003

Prinsip Pak Lah bukan mahu jadi 'orang besar'

Mutazar Abd Ghani

KEPULANGAN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau lebih mesra dengan panggilan 'Pak Lah' ke negeri kelahirannya, Pulau Pinang, sebelum ini bukan sesuatu yang luar biasa. Sebagai orang nombor dua dalam kerajaan dan

wakil rakyat yang prihatin, sudah menjadi rutinnya pulang ke negeri ini khususnya Parlimen Kepala Batas, sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Malah suatu ketika, dalam memenuhi permintaan pelbagai pihak terhadap kehadirannya, selain menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen Kepala

Batas, beliau pernah berulang alik sebanyak empat kali dalam tempoh seminggu di antara Kuala Lumpur dan Pulau Mutiara.

Namun, mungkin disebabkan beban tugas dan keperluan beliau untuk berada

di tempat lain, kepulangannya ke negeri ini agak terbatas dalam tempoh beberapa bulan sebelum pelantikan rasminya sebagai Perdana Menteri kelima, Jumaat lalu.

Bagaimanapun, ketika banjir besar melanda negeri utara Semenanjung terutama Pulau Pinang dan Kedah awal bulan lalu, Abdullah seperti biasa menunjukkan keprihatinannya apabila beberapa kali meredah air bagi meninjau beberapa penempatan banjir, khususnya di Seberang Prai Utara, daerah paling teruk dilanda banjir di Pulau Pinang.

Tetapi dalam setiap kepulangannya itu, tiada sambutan besar-besaran diberikan kecuali di tempat di mana beliau merasmikan sesuatu majlis yang membabitkan kehadiran ramai. Apatah lagi ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL), tiada orang awam yang menunggu, kecuali mereka yang berkaitan seperti pimpinan kerajaan negeri, Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN).

Apapun, suasana itu berbeza sekali dengan kepulangannya di terminal lama

LTABL Sabtu lalu, iaitu sehari selepas Abdullah mengangkat sumpah jawatan

sebagai Perdana Menteri kelima, sehari sebelumnya.

Walaupun pesawat khas membawa Perdana Menteri hanya dijadualkan tiba kira-kira jam 3 petang, ribuan rakyat pelbagai kaum dan peringkat usia membanjiri terminal LBTAL sejak jam 1 petang lagi.

Tanpa menghiraukan cuaca panas terik, orang ramai yang turut datang dari

beberapa negeri lain itu tidak berganjak dari tempat masing-masing sehinggalah pesawat khas membawa Abdullah dan Datin Seri Endon Mahmood serta ahli keluarga, mendarat jam 3.10 petang.

Dianggarkan 30,000 orang meliputi pimpinan kerajaan negeri, beberapa menteri Kabinet serta Menteri Besar negeri berjiran, pemimpin dan anggota

parti BN, wakil dan pekerja syarikat swasta, pelajar sekolah dan kolej serta orang awam berada di terminal lama LTABL itu.

Selain bendera pelbagai parti dan pertubuhan, mereka yang hadir turut membawa pelbagai sepanduk, antaranya tertulis "Ke Era Baru Bersama YAB Pak Lah", "Pak Lah Anak Pulau Pinang Yang Kita Semua Bangga dan Sayangi", dan "Tahniah Pak Lah, Sokongan Padu Sentiasa Bersama Mu".

Menurut mereka yang hadir menyambut kepulangan sulung Abdullah selepas dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri di tempat sama pada 9 Januari 1999, sambutan kali ini jauh lebih besar dan gemilang. Cuma kalau ada persamaan, kedua-dua sambutan itu dibuat pada Sabtu dan dalam bulan puasa.

Malah, Abdullah sendiri melahirkan rasa terkejut dengan kehadiran yang begitu ramai kerana menurut beliau, tujuan utama kepulangannya adalah bertemu bonda tercinta, Datuk Khailan Hassan, 79, bagi mendapatkan restu atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri, di samping menziarahi pusara bapa serta datuknya.

"Dalam ingatan saya tak pernah ada perhimpunan yang sebesar ini diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas ini. Saya tentu sekali gembira kerana pada kali pertama pulang ke Pulau Pinang selepas dilantik menjadi Perdana Menteri," katanya.

Sepanjang ucapannya yang bersemangat selama kira-kira 20 minit, Abdullah tidak lekang mendapat tempukan gemuruh daripada orang ramai yang hadir, termasuk ketika beliau melaungkan slogan "Maju Malaysia" dan "Berjaya Malaysia" yang dituruti penuh semangat oleh semua yang hadir.

Sesungguhnya, kehadiran rakyat pelbagai kaum di LTABL dan ribuan lagi yang berbaris di sepanjang jalan menuju ke pekan Kepala Batas, menunjukkan sokongan padu seluruh rakyat terhadap Abdullah untuk menerajui negara bernama Malaysia agar mencapai kejayaan lebih gemilang dalam pelbagai bidang.

Semangat perpaduan yang dizahirkan orang ramai yang hadir serta harapan mereka terhadap Perdana Menteri kelima itu, turut selari dengan tiga ucapan yang disampaikan Abdullah sempena majlis meraikan kepulangannya, semalam yang banyak menitikberatkan soal kerjasama, perpaduan dan pembangunan.

Ini terbukti dengan amanat sulung selaku Perdana Menteri di LTABL apabila Abdullah mengajak seluruh rakyat bekerjasama dengannya menerusi amalan bekerja bersamanya, bukan bekerja untuknya bagi meneruskan kesenimbangan pembangunan negara yang diwarisi daripada kepimpinan sebelum ini.

Sokongan padu dan tidak berbelah bagi oleh seluruh rakyat penting membolehkan beliau meneruskan perjuangan dan agenda parti Umno dan BN, demi masa depan negara, agama, bangsa dan rakyat.

"Saya tak minta tuan-tuan dan puan-puan (rakyat) bekerja untuk saya, tapi saya minta tuan-tuan dan puan-puan bekerjasama bersama dengan saya," katanya.

Pada masa sama Perdana Menteri meminta semua pihak termasuk ahli parti, kawan dan seluruh masyarakat memberi sokongan padu kepada setiap dasar atau rancangan yang akan dilaksanakannya, bagi membolehkan ia menjadi

kenyataan.

Seperti kata beliau, tidak ada mana-mana pemimpin yang boleh berjaya tanpa mendapat sokongan daripada ahli parti, kawan dan seluruh masyarakat.

Rakyat juga seharusnya mengambil iktibar dengan ingatan Perdana Menteri

supaya orang ramai tidak menyokongnya atas nama peribadi beliau, tapi sokongan hendaklah diberikan kepada perjuangan parti.

"Sokongan kepada saya bukan kerana saya Abdullah Ahmad Badawi, tapi lebih daripada itu sokongan kepada saya kerana meneruskan perjuangan Umno dan BN," katanya.

Abdullah turut mengajak rakyat bersyukur dan berterima kasih terhadap jasa yang tidak ternilai ditinggalkan Tun Dr Mahathir Mohamad apabila mewariskannya sebuah negara membangun yang maju.

Beliau menyifatkan Malaysia yang berada di bawah pimpinan Dr Mahathir selama 22 tahun lalu, sebagai sebuah kerajaan yang sungguh berkesan, maju serta berjaya, sehingga muncul antara negara termaju di kalangan negara membangun.

Dalam ucapan kedua setibanya di rumah ibunya di Kepala Batas, Abdullah menyifatkan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri bukan satu kebesaran buat diri atau keluarganya.

Sebaliknya, beliau menjelaskan pelantikan itu lebih kepada satu tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya untuk memastikan pembangunan bangsa dan negara berterusan.

"Amanah itu perlu dijaga dengan baik, dan meminta kerjasama semua pihak dalam menjalankan tugas saya dengan berkesan," katanya sambil mengharapkan

supaya beliau dikurniakan kesihatan baik oleh Allah dan petunjuk untuk menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin.

Dalam ucapan terakhirnya semalam selepas menunaikan solat Isyak dan Tarawih di Masjid Jami'ul Badawi, yang terletak berdekatan rumah ibunya, Abdullah menceritakan perasaannya sebelum menerima pelantikan sebagai Perdana Menteri, Jumaat lalu bahawa pelantikan itu bukan bermakna akan menjadikannya sebagai 'orang yang besar,' tapi lebih kepada satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul untuk rakyat serta negara.

Walaupun ia lebih kepada perasaan hati beliau ketika menerima jawatan itu, ia sepatutnya boleh dijadikan iktibar kepada sesiapa saja yang terlalu memikirkan jawatan sama ada dalam kerajaan, parti atau persatuan, tanpa mengambil berat tanggungjawab dan sumbangan daripada amanah yang diberikan itu.